

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 OGOS 2016 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Standards Malaysia cemerlang lahirkan masyarakat peka kualiti	Berita Harian
2.	Bah bakal landa Pantai Timur	Kosmo
3.	Kinabalu tremor an aftershock, says expert	The Star
4.	Key qualities of a robust entrepreneur	New Straits Times

Standards Malaysia cemerlang lahirkan masyarakat peka kualiti

Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) mencatat pelbagai kejayaan dalam aktiviti pensandardan dan akreditasi yang dapat menjadikan rakyat Malaysia peka terhadap kualiti untuk kehidupan yang lebih baik.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata sejak dua dekad, Standards Malaysia terus menyumbang terhadap infrastruktur berkualiti dengan membangunkan standard dalam pelbagai sektor.

"Jabatan juga aktif menyebarkan penggunaan standard melalui Program Pematuhan Standard. Standards Malaysia juga menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada industri," katanya dalam kenyataan, semalam.

Standards Malaysia, yang menyambut ulang tahun ke-20 se-

Fakta
nombor

6,000

Standard Malaysia
dibangunkan

650 MAKMAL

diberi akreditasi

malam, berjaya membangunkan lebih 6,000 Standard Malaysia dengan cemerlang dalam 25 sektor yang berbeza, termasuk halal dan pertanian.

Budaya kualiti

Ia juga memberi akreditasi kepada lebih 650 makmal, 29 badan pensijilan dan 11 badan pemeriksaan di seluruh negara.

Madius berkata, peranan Standards Malaysia juga diberi perhatian khusus oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

"Standard Malaysia menerajui Komponen Standard Inisiatif Pembaharuan Strategik - Standard Persaingan Liberalisasi (SRI-CSL) di bawah Program Transformasi Ekonomi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Standards Malaysia, Datuk Fadi-

lah Baharin, berkata jabatan berkembang dan akan terus mengubah landskap perniagaan negara dengan mewujudkan dan menginsankan budaya kualiti dalam kalangan pengeluar dan pengguna.

"Kami sudah membangunkan standard untuk membantu syarikat Malaysia mengguna pakainya untuk pemasaran produk dan perkhidmatan mereka dengan lebih baik di peringkat antarabangsa.

"Kami terbabit dengan orang ramai melalui pelbagai program dan platform, untuk meningkatkan kesedaran dan mementingkan kualiti semasa membeli," katanya.

Beberapa aktiviti akan diadakan sepanjang tahun ini sempena ulang tahun ke-20 Standards Malaysia termasuk Program Kesedaran Standard.

BERNAMA



Jabatan juga aktif menyebarkan penggunaan standard melalui Program Pematuhan Standard"

Madius Tangau,
Menteri Sains, Teknologi
dan Inovasi

La Nina, Monsun Timur Laut bawa hujan lebat di Kelantan, Terengganu, Pahang November ini

Bah bakal landa Pantai Timur

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

KUALA LUMPUR – Negeri-negeri Pantai Timur diramal bakal dilanda banjir besar bermula November ini ekoran angin Monsun Timur Laut yang membawa lebih hujan 20 peratus dan berlaku fenomena La Nina.

Bagaimanapun, Pakar Geografi dan Kajian Iklim Bandar, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Shahrudin Ahmad berkata, banjir pada tahun ini dijangka tidak seburuk bah kuning yang melanda Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak pada 2014.

"Mengikut ramalan, lebih 20 peratus taburan hujan memungkinkan berlaku banjir yang serius di Terengganu, Pahang dan Kelantan pada hujung tahun ini.


"Dalam tempoh angin Monsun Timur Laut yang bertiep bermula November hingga Mac 2017 turut membawa angin kencang" kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, ramalan kaji cuaca turut khawatir sekiranya peningkatan taburan hujan dalam tempoh itu turut mengundang berlaku fenomena La Nina seperti yang berlaku pada penghujung tahun 2014.

Selain negeri-negeri di Pantai Timur yang diramal bakal dilanda banjir buruk, Shahrudin memberitahu, tempas fenomena La Nina itu juga dikhuatiri bakal memberi kesan banjir di beberapa bahagian di timur Johor.

Antara kawasan di timur Johor yang diramal bakal dilanda banjir pada tahun ini ialah Kota Tinggi dan Mersing.

Jelas beliau, lazimnya kedatangan musim Monsun Timur Laut bersama kela-



SHAHARUDDIN

EDY TONNIZAM

MADIUS



KERATAN Kosmo/19 Disember 2014.

juan angin antara 50-60 kilometer sejam itu juga akan mempengaruhi peningkatan paras air laut antara tiga hingga 5.5 meter.

"Jika hujan lebat dan angin kencang, aliran air sungai di negeri-negeri yang dilanda bah akan melimpah dan keadaan itu yang menjadikan banjir pada tahun ini menjadi serius," kata beliau.

Kenyataan Shahrudin itu disokong oleh Pengarah Pusat Geokejuruteraan Tropika, Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Madya Dr. Edy Tonnizam Mohamad.

Edy berkata, fenomena La Nina sangat berkait rapat dengan perubahan suhu laut yang sekali gus mengubah cuaca dunia.

"Ketika fenomena La Nina tiupan angin panas dari Artik manakala angin sejuk dari Siberia akan bertembung di Laut China Selatan dan pertembungan itu akan menyebabkan hujan lebat melanda Malaysia," katanya.

Jelas Edy, fenomena La Nina biasanya akan me-

landa Malaysia dalam tempoh tiga hingga lima tahun sekali.

"Ketika musim banjir, taburan hujan di Kelantan, Terengganu dan Pahang dijangka melebihi 400 mililiter (ml) sehari.

"Purata taburan hujan normal bagi negeri-negeri tersebut dalam tempoh setahun kebiasaannya 1,200ml," kata beliau.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Ino-

vasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, Monsun Timur Laut yang berlaku pada minggu pertama November ini dijangka menyebabkan negeri-negeri di sebelah Pantai Timur dilanda hujan lebat antara tiga hingga empat hari secara berturut-turut.

"Episod hujan lebat ketika Monsun Timur Laut dijangka mengakibatkan banjir di beberapa buah negeri di Pantai Timur bermula November 2016 hingga Januari 2017 manakala banjir diramal akan melanda bahagian barat Sarawak pada Januari hingga Februari 2017," kata beliau.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan membuat persiapan lebih awal bagi menghadapi kemungkinan banjir yang dijangka berlaku pada tahun ini.

Orang ramai boleh menyemak maklumat terkini mengenai perkembangan cuaca yang dikemas kini dari semasa ke semasa di www.met.gov.my, hotline 1-300-22-1638 dan aplikasi mudah alih myCuaca serta laman rasmi di Facebook dan Twitter.

Pada Disember 2014,



KUALA KRAI merupakan antara kawasan paling teruk ditenggelami air dalam kejadian banjir pada 2014.

"Lebih 20 peratus taburan hujan memungkinkan berlaku banjir yang serius di Terengganu, Pahang dan Kelantan pada hujung tahun ini

SHAHARUDDIN AHMAD

Kelantan mencatatkan dilanda banjir terburuk dalam tempoh 10 tahun apabila 10 daerah di negeri itu ditenggelami air dengan 151,000 penduduk terpaksa dipindah.

Turut dicatatkan dalam kejadian banjir terburuk itu ialah kerajaan mengalami kerugian berjumlah RM932.4 juta ekoran kerosakan pelbagai harta benda awam.

INFOGRAFIK Angin Monsun Timur Laut dan Fenomena La Nina

Angin Monsun Timur Laut

- Angin bertiep ketika hemisfera utara mengalami musim sejuk dan mewujudkan sel-sel udara tekanan tinggi
- Hemisfera selatan pula mengalami musim panas dan mewujudkan sel-sel udara tekanan rendah
- Angin tersebut menghasilkan pola pengaliran udara yang membawa hujan lebat di kawasan pantai timur semenanjung Malaysia

Fenomena La Nina

- Fenomena La Nina berlaku apabila suhu permukaan laut di tengah dan timur Lautan Pasifik menjadi lebih rendah berbanding biasa
- Tekanan permukaan atmosfera meningkat di tengah dan timur Lautan Pasifik manakala tekanan permukaan di bahagian barat Lautan Pasifik menurun
- Lazimnya La Nina membawa hujan lebat terutamanya di kawasan negeri pantai timur pada bulan November hingga Disember manakala Sabah dan Sarawak pula mengalami situasi yang sama pada awal Januari hingga Februari tahun depan



Kinabalu tremor an aftershock, says expert

KOTA KINABALU: The magnitude 4.0 tremor at Mount Kinabalu and its vicinity could be an aftershock from last year's June 5 earthquake, said a geologist.

Universiti Malaysia Sabah geologist Dr Felix Tongkul said the tremor on Friday originated from the base of the mountain near the epicentre of the magnitude 6.0 quake.

"That's why I believe the tremor is just a continuing aftershock and not an indication of another earthquake," he said when contacted.

He said it would be a different situation if the epicentre of Friday's tremor was somewhere else, such as Kota Belud.

Magnitude 4.0 aftershocks following last year's earthquake had occurred before, he added.

The tremor hit some 16km west of Ranau at about 9.39am, according to the Malaysian Meteorological Department.

Lasting for about three seconds, it was also felt in Kota Kinabalu, Ranau, Penampang and Tuaran and caused anxiety among mountain climbers, guides and porters who feared it could cause rock avalanches like those that killed 18 climbers and guides in last year's quake.

Sabah Parks director Dr Jamili Nais, who was on the mountain during the tremor, reported no damage.

